KPKT

# KERAJAAN MALAYSIA

# KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

# DOKUMEN SEBUT HARGA

# BAGI

# KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA, TAMU SQUARE CULTURAL STREET RANAU, SABAH

**NO. SEBUT HARGA :**
**KPKT/BPJ/UB/SH/20/2025**

BAHAGIAN PELAKSANAAN DAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
JULAI 2025

**KPKT**

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

| | | |
|---|---|---|
| **NO. SEBUT HARGA** | : | **KPKT/BPJ/UB/SH/ 20 /2025** |
| **TAJUK SEBUT HARGA** | : | **KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA, TAMU SQUARE CULTURAL STREET RANAU, SABAH** |

## <u>JADUAL KANDUNGAN</u>


| Bil. | Butiran | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1. | Kenyataan Sebut Harga | L13/1 – L13/2 |
| 2. | Senarai Semak Mengemukakan Sebut Harga Kepada Penyebut Harga. | SS 1/2 – SS 2/2 |
| 3. | Borang-Borang Maklumat Yang Perlu Dilengkapi Oleh Penyebut Harga. | |
| | a) Borang A | L1 A1/3 – L1 A3/3 |
| | b) Borang B | L1 B1/1 |
| | c) Borang D | L1 D1/1 |
| | d) Borang G | L1 G1/1 |
| | e) Borang GA | L1 GA1/1 |
| 4. | Surat Akuan Pembida | L2 1/1 |
| 5. | Arahan Kepada Penyebut Harga | L3 1/6 – L3 6/6 |
| | - LAMPIRAN 1 | 1/2-2/2 |
| 6. | Syarat-Syarat Sebut Harga Kerja Penyiasatan Tapak Dan Ujian Makmal | L4 1/9- L4 9/9 |
| 7. | Borang Sebut Harga Kerja | L5 1/1 |
| 8. | Ringkasan Sebut Harga Kerja (Kuantiti) | BQ1-BQ10 |
| 9. | Skop Kerja/Spesifikasi/Terma Rujukan/ Lukisan/Method Statement | LA 1/9- LA 9/9 |
| 10. | Senarai Makmal Ujian Tanah | LB 1/1 |

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (**PPK**), Sijil Taraf Bumiputra (**STB**) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (**SPKK**) /Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (**PUKONSA**) / Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (**UPKJ**) dalam gred/kelas, kategori/tajuk/kepala, pengkhususan/tajuk kecil/subkepala yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

| Pejabat Yang Memanggil Sebut Harga | Tajuk Sebut Harga | Taraf / Jenis Sykt | Kelayakan | Tempat & Tarikh Dokumen Diperolehi | Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup |
|---|---|---|---|---|---|
| Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan | **Kerja-Kerja Penyiasatan Tanah Dan Ujian Makmal Bagi Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, Tamu Square Cultural Street Ranau, Sabah**<br><br>**NO.SEBUTHARGA KPKT/BPJ/UB/SH/ 20/2025** | Bumiputera<br><br>T1 | **CIDB**<br><br>Gred: G1<br>Kategori: CE<br>Pengkhususan: CE12<br><br>**(Syarikat Berdaftar di SABAH SAHAJA)** | Pautan untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga boleh diakses mulai daripada<br><br>**28 Julai 2025 (Isnin)**<br><br>**hingga**<br><br>**04 Ogos 2025 (Isnin)**<br><br>https://www.kpkt.gov.my | Penghantaran Dokumen Sebut Harga secara serahan **TANGAN ATAU POS BERDAFTAR ATAU POS LAJU** hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga:<br><br>Tempat: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bahagian Pelaksanaan Dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Pejabat Wilayah 6, Sektor Fasiliti Dan Pelaksanaan Projek, Tingkat 3, Blok C, Bangunan KWSP, Jalan Karamunsing, 88000 Kota Kinabalu, Sabah<br><br>**11 Ogos 2025 (Isnin)**<br><br>**12.00 Tengah Hari** |

**Lawatan Tapak adalah TIDAK DIWAJIBKAN namun dibawah tanggungjawab penyebutharga. Namun penyebutharga boleh membuat lawatan tapak ke tapak cadangan seperti alamat dan koordinat di bawah dan sebarang persoalan mengenai tapak boleh menghubungi Unit Kejuruteraan Awam Dan Struktur (UKAS) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Siti Ana Nuriena Binti Mohd Kholid ( 03-88913691 ) sebelum 11 Ogos 2025.**

**Tapak Projek:**
**Di Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, Tamu Square Cultural Street Ranau, Sabah**
**(Koordinat : 5.954304 , 116.676634 )**

* Jenis Syarikat Tempatan : T1 – Syarikat 100% Milik Tempatan

Sr SAHARUDIN BIN HILMI
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan & Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**PROJEK : KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA, TAMU SQUARE CULTURAL STREET RANAU, SABAH**

**NO.SEBUT HARGA : KPKT/BPJ/UB/SH/20/2025**

**Nota Penting :**

1. Pautan untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga akan dapat diakses di laman sesawang KPKT mulai 28 Julai 2025 (Isnin) sehingga 04 Ogos 2025 (Isnin).

2. Penyebut Harga adalah diarahkan untuk menghantar Dokumen Sebut Harga SECARA TANGAN ATAU POS BERDAFTAR ATAU POS LAJU. Dokumen Sebut Harga hendaklah diterima tidak lewat dari atau pada pukul 12.00 tengahari pada tarikh tutup Sebut Harga dan adalah menjadi TANGGUNGJAWAB penyebut harga untuk memastikan dokumen sebut harga diterima di alamat yang telah dinyatakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

3. Dokumen Sebut Harga yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam bentuk salinan bercetak (hardcopy) dan telah lengkap diisi.

4. Setiap Penyebut Harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) dokumen tawaran sahaja. Sekiranya di dapati terdapat Penyebut Harga yang mengemukakan melebihi dari satu (1) tawaran, kesemua tawaran tersebut akan ditolak dan tidak akan disenaraikan di dalam Jadual Sebut Harga.

5. Penyebut Harga yang berhasrat untuk menyertai Sebut Harga ini hendaklah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Sekiranya tidak, dokumen tawaran Penyebut Harga akan ditolak.

6. Penyebut Harga juga hendaklah sentiasa peka terhadap sebarang makluman perubahan/tambahan dokumen Sebut Harga sepanjang tempoh perolehan/ sehingga tarikh tutup Sebut Harga di laman sesawang KPKT.

7. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor bilangan Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Pemberitahuan/Kenyataan Sebut Harga.

8. Sekiranya terdapat addendum yang akan dikeluarkan, Penyebut Harga perlu memastikan untuk menyemak pautan ini : https://drive.google.com/drive/folders/1Pk-Z0gjnXfV4iAi0I-3rZqEApirVJVb3?usp=drive_link dari semasa ke semasa.

Sr SAHARUDIN BIN HILMI
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan & Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

## SENARAI SEMAKAN

Sila Tandakan [ / ] Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

| Bil. | Perkara / Dokumen | Untuk ditanda oleh Syarikat | Untuk ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga |
|---|---|---|---|
| 1. | Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB | ☐ | ☐ |
| 2. | Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari BPKU (Kerja) (jika berkenaan) | ☐ | ☐ |
| 3. | Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB / Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) / Sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding (UPKJ) Sarawak/Kementerian Kewangan | ☐ | ☐ |
| 4. | Borang Sebut HargaTelah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani | ☐ | ☐ |
| 5. | Borang Maklumat Penyebut Harga | ☐ | ☐ |
| 6. | Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan) | ☐ | ☐ |
| 7. | Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu) | ☐ | ☐ |
| 8. | Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan) | ☐ | ☐ |

## SENARAI SEMAKAN

Sila Tandakan [ / ] Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

| Bil. | Perkara / Dokumen | Untuk ditanda oleh Syarikat | Untuk ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga |
|---|---|---|---|
| 9. | Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir* | ☐ | ☐ |
| 10. | Lain-lain Sekiranya Ada: | ☐ | ☐ |

**NOTA:**

* Bagi Sebut Harga yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000 sahaja (**diwajibkan**).

| **PENGESAHAN OLEH SYARIKAT** | **UNTUK KEGUNAAN JABATAN** |
|---|---|
| Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.<br><br>Tandatangan :<br>Nama :<br>Jawatan :<br>Tarikh : | Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. …………(jika ada)<br><br>Tandatangan :<br>Nama :<br>Jawatan :<br>Tarikh :<br><br>Tandatangan :<br>Nama :<br>Jawatan :<br>Tarikh : |

# LAMPIRAN 1

BORANG-BORANG MAKLUMAT YANG PERLU DILENGKAPI OLEH PENYEBUT HARGA

# BORANG-BORANG MAKLUMAT YANG PERLU DILENGKAPI OLEH PENYEBUT HARGA

| | | |
|---|---|---|
| BORANG A | - | SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUT HARGA |
| BORANG B | - | MAKLUMAT AM DAN LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA |
| ~~BORANG C~~ | ~~-~~ | ~~DATA-DATA KEWANGAN~~ |
| ~~BORANG CA~~ | ~~-~~ | ~~LAPORAN BANK / INSTITUSI MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT~~ PENYEBUT HARGA |
| BORANG D | - | REKOD PENGALAMAN KERJA |
| ~~BORANG E~~ | ~~-~~ | ~~KAKITANGAN TEKNIKAL~~ |
| ~~BORANG F~~ | ~~-~~ | ~~KEEMPUNYAAN LOJI DAN PERLATAN PEMBINAAN~~ UTAMA |
| BORANG G | - | SENARAI KERJA KONTRAK SEMASA |
| BORANG GA | - | LAPORAN PENYELIA PROJEK ATAS PRESTASI KERJA SEMASA PENYEBUT HARGA |

**BORANG A - SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUT HARGA**

Nama Penyebut Harga : ...............................................

Alamat : ...............................................

...............................................

...............................................

...............................................

Kepada,

**KETUA SETIAUSAHA**
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
**NO. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4**
**62100 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

Tuan,

**KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BERA, PAHANGKERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA, TAMU SQUARE CULTURAL STREET RANAU, SABAH**

**MAKLUMAT LATAR BELAKANG, KEWANGAN DAN TEKNIKAL PENYEBUT HARGA**

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Penyebut Harga termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen Sebut Harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan agensi tuan menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang disebut harga, semasa Penilaian Sebut Harga.

2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa Penilaian Sebut Harga ini akan mengambilkira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang disebut harga. Justeru itu Sebut Harga kami akan hanya dipertimbang untuk diperakukan kepada Jawatankuasa Sebut Harga untuk disetuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang disebut harga, mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.

3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang diminta bersama-sama Sebut Harga kami sebelum Sebut Harga ditutup dan maklumat atau dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambilkira dalam penilaian keupayaan kami.

**BORANG A - SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUT HARGA (samb)**

4. Kami mengaku bahawa semua maklumat dan data yang kami berikan bersama-sama di Borang A, B, D, G dan GA dan dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan terhadap kami dan/atau Sebut Harga kami, sekiranya mana-mana maklumat, data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar dan palsu.

5. Kami juga mengambil maklum dan sedar bahawa Sebut Harga kami akan ditolak (disqualified) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan bersama-sama ini mana-mana maklumat dan/atau menyertakan mana-mana dokumen penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan agensi tuan menilai keupayaan kami, terutamanya dokumen-dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi kerja semasa kami sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan Kepada Penyebut Harga seperti berikut:

~~(1) Penyata Kewangan Syarikat~~

~~(2) Penyata Bulanan Bank~~

~~(3) Laporan ASAL Bank /Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit~~

~~(4) Deposit Tetap (sekiranya ada)~~

~~(5) Laporan ASAL Jurutera/Penyelia Projek (bagi kerja semasa atas format seperti di Borang GA)~~

6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana Pegawai Kerajaan, Penyelia/Jurutera Projek, bank dan lain-lain atau mana-mana orang atau firma yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh KPKT untuk menyemak maklumat-maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan. Kami mengambil maklum bahawa pihak KPKT juga boleh merujuk apa-apa maklumat yang kami kemukakan dengan mana-mana pihak termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun kami tetap bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

**BORANG A - SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUT HARGA (samb)**

7. Kami juga dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa pihak kami tidak ada membuat sebarang pakatan atau apa-apa bentuk amalan sepadu dengan mana-mana penyebut harga lain bagi mempengaruhi kemunasabahan harga Sebut Harga dan apa-apa tindakan yang boleh menjejaskan atau yang mempunyai kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan yang sihat bagi membolehkan Sebut Harga kami atau Penyebut Harga lain di pertimbangkan. Kami akur pihak Jabatan boleh menolak tawaran kami sekiranya pihak Jabatan mengesyaki sebarang pakatan harga dan pihak kami juga boleh diambil tindakan di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

8. **Kami maklum bahawa sekiranya pihak yang dihubungi tidak memberi pengesahan dalam tempoh yang ditetapkan, ia akan menyebabkan Sebut Harga kami tidak dipertimbangkan untuk disetujuterima.**

Yang benar,

..................................... Tarikh : ........................

(Tandatangan Penyebut harga)

Nama Penuh : .........................................

No. Kad Pengenalan : ..............................

Atas Sifat : ...............................................

yang diberi kuasa dengan sempurnanya untuk menandatangani Sebut Harga ini untuk dan bagi pihak :

.....................................

(Meteri atau Cop Penyebut harga)

..................................... Tarikh : ........................

(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh : .........................................

No. Kad Pengenalan : ..............................

Pekerjaan : ................................................

Alamat : ......................................................

.................................................................

**BORANG B - MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA**

1. Nama : ....................................

2. Alamat : ....................................

   ....................................

   ....................................

   No. Telefon:..................... No. Faks : ...........................

3. Pendaftaran dengan CIDB

   (i) No. Pendaftaran : ...............................

   (ii) Tarikh daftar : ..................... Sah hingga .........................

   (iii) Gred, Kategori dan Pengkhususan Berdaftar

   (iv) Taraf (Bumiputera/Bukan Bumiputera) :

   (v) Jika Bumiputera, tempoh sah taraf : Dari ...............hingga.............

4. Pendaftaran Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar, sila sertakan salinan pendaftaran)

   (i) No. Pendaftaran : ...............................

   (ii) Tarikh Kuat kuasa : ..............................

5. Perniagaan Utama lain, jika ada

   (a) ............................ sejak ... ...........................

   (b) ............................. sejak ...............................

## BORANG D - REKOD PENGALAMAN KERJA
**(Senarai semua kerja yang disiapkan dalam 5 tahun lepas)**

| BIL | NAMA KONTRAK/PROJEK DAN SKOP KERJA+ | NILAI KONTRAK (RM) | NILAI PENYBEUT HARGA BERTANGGUNG JAWAB* | TEMPOH KONTRAK ** | TARIKH MILIK TAPAK | TARIKH SIAP | | NAMA DAN ALAMAT PEGAWAI PENGUASA JURUTERA PERUNDING | NAMA DAN ALAMAT MAJIKAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | KONTRAK | SEBENAR | | |
| | | | | | | | | | |

+ Salinan Perakuan/Pengesahan Siap Kerja dan Surat Setuju Terima bagi setiap kerja yang disenaraikan hendaklah disertakan sebagai dokumen sokongan

* Hanya perlu diisi sekiranya penyebut harga melaksanakan kerja sebagai ahli syarikat gabungan

** Tempoh kontrak hendaklah termasuk lanjutan masa yang diluluskan

## BORANG G - SENARAI KERJA KONTRAK SEMASA

**(Senarai semua kerja di dalam tangan/sedang berjalan dan belum siap termasuk kontrak yang baru diawad)**

| BIL | NAMA KONTRAK/PROJEK + | NILAI KONTRAK (RM) | NILAI PENYEBUT HARGA BERTANGGUNG JAWAB* | TEMPOH KONTRAK ** | TARIKH MILIK TAPAK | KEMAJUAN KERJA | | NAMA DAN ALAMAT JURUTERA PROJEK | NAMA DAN ALAMAT MAJIKAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | IKUT JADUAL (%) | SEBENAR DICAPAI (%) | | |
| | | | | | | | | | |

\+ Salinan Surat Setuju Terima bagi setiap kerja yang disenaraikan hendaklah disertakan sebagai dokumen sokongan

* Hanya perlu diisi sekiranya penyebut harga melaksanakan kerja sebagai ahli syarikat gabungan

** Tempoh kontrak hendaklah termasuk lanjutan masa yang diluluskan

\+ **Peringatan penting**

i) Bagi setiap kerja semasa, sertakan **Laporan Jurutera/Penyelia Projek (wajib)** atas format seperti Borang GA, dalam satu sampul berlakri. Sebut Harga yang tidak disertakan dengan Laporan ini bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan, maka Penyebut Harga boleh dianggap menyembunyikan maklumat kerja semasa dan akan menyebabkan sebut harga ditolak atau tidak dipertimbangkan.

ii) Sekiranya Penyebut Harga tidak isytihar kerja semasanya di Borang G akan tetapi Pegawai Penilai mengetahui Penyebut Harga mempunyai projek-projek semasa (semakan di Profil Syarikat, Profil CIDB atau dari sumber lain yang sah), maka Penyebut Harga boleh dianggap menyembunyikan maklumat kerja semasa dan akan menyebabkan sebut harga ditolak atau tidak dipertimbangkan.

SULIT

**BORANG GA - LAPORAN PRESTASI KERJA SEMASA PENYEBUT HARGA**

---

a) Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional yang menyeliai projek dan diserahkan kepada Kontraktor dalam satu sampul berlakri untuk disertakan bersama-sama sebut harganya.

b) Kegagalan mengisi borang ini dengan lengkap akan menyebabkan sebut harga ini ditolak.

Kepada : **KETUA SETIAUSAHA**
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
**NO. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4**
**62100 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

Nama Kontraktor : ..........................................................................................

Nama Sebut Harga **KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BERA, PAHANGKERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA, TAMU SQUARE CULTURAL STREET RANAU, SABAH**

Nama Projek yang Dilaksanakan : ____________________

____________________

---

No. Kontrak: ................................................

Harga Kontrak (termasuk anggaran nilai kerja perubahan) : RM ..............................................

Wang Kos Prima dan Peruntukan Sementara : RM ..............................................

Nilai Kerja Pembina : RM ..............................................

Tarikh Milik Tapak : ....................................... Tempoh Kontrak : ........................ minggu

Tarikh Penyiapan Asal : .......................................

Lanjutan Masa Yang Telah Diluluskan : ........................... hari

Lanjutan Masa Seterusnya;

Yang difikir/dijangka layak diperakukan : ............................. hari

Atas Sebab-sebab : (i) ............................................................................

(ii) ............................................................................

Kemajuan Kerja (berdasarkan nilaian kerja yang telah dilaksanakan);

Pencapaian sebenar : .................... % Mengikut Jadual: .................. %

Jumlah Kelewatan (jika berkenaan) : ........................ Hari

Tarikh Kerja dijangka akan dapat disiapkan : ....................................

Nilai Bahagian Kerja Yang Telah Siap : RM .......................................

Nilai Baki Kerja Yang Belum Siap : RM .......................................

**Adakah Kontraktor dalam proses penamatan di mana Notis Untuk Tujuan Penamatan telah dikeluarkan kepada Kontraktor?** : .......................................

Ulasan-ulasan mengenai Prestasi Kontraktor;

..........................................................................................................................................

(Nyatakan apa-apa kepujian dan/atau kelemahan Kontraktor dan juga apa-apa tindakan/perakuan yang diambil/dipertimbang berhubung dengan prestasi Kontraktor melaksanakan Kontrak)

____________________

Tandatangan Pegawai PenguasaWakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional

Nama :

Jawatan dan cop : Tarikh :

No. telefon :

**Nota:**

**Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional yang menyelia projek hendaklah pastikan tindakan berikut diambil:**

**i) Turunkan tandatangan dan cop jawatan**

**ii) Isikan nama, jawatan, dan no. telefon pejabat**

**iii) Isikan laporan prestasi kerja semasa penyebut harga menggunakan Borang GA ini dengan lengkap**

# LAMPIRAN 2

SURAT AKUAN PEMBIDA

# SURAT AKUAN PEMBIDA

**SEBUTHARGA NO : KPKT/BPJ/UB/SH/ 20 /2025**

**TAJUK KERJA : KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA, TAMU SQUARE CULTURAL STREET RANAU, SABAH.**

Saya,..........................................nombor K.P.....................................................yang
(Nama wakil syarikat)
mewakili.................................................................................................. ................nombor
(Nama Syarikat)
Pendaftaran...........................................................................dengan ini mengisytiharkan
(MOF/BPKU/CIDB/ROS/ROC/ROB)

bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga di atas; atau
2.2 penamatan kontrak bagi Sebut Harga di atas; dan
2.3 disabitkan di bawah kanun keseksaan (Akta 574); dan
2.3 tindakan tatatertib lain mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

..............................................
(Tandatangan)

Nama. . : ..........................................

No. K.P : ..........................................

Cop Kontraktor :

# LAMPIRAN 3

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

**PROJEK : KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA, TAMU SQUARE CULTURAL STREET RANAU, SABAH**

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1.0 HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

### 2.0 ~~DASAR KENAAN GST~~

2.1 ~~Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta GST 2014) telah dikuatkuasa mulai 1 April 2015. Oleh yang demikian, GST yang dikenakan akan dibayar kepada Penyebut Harga berdaftar GST.~~

2.2 ~~Bagi tujuan Sebut Harga ini, Penyebut Harga hendaklah **menawarkan harga tawaran yang tidak ditambah nilai kenaan GST.** Walaubagaimanapun, sama ada Penyebut Harga berdaftar GST ataupun tidak, Penyebut Harga masih bertanggungan untuk mengambil kira dalam harga tawaran apa-apa kos berkaitan dengan kenaan GST yang perlu dibayar oleh Penyebut Harga kepada pihak-pihak yang membekalkan khidmat kepadanya.~~

2.3 ~~Sekiranya Penyebut Harga berdaftar GST, Inden Kerja berdasarkan harga tawaran dengan tambahan nilai kenaan GST akan dikeluarkan kepada Penyebut Harga yang berjaya.~~

2.4 ~~Sekiranya Penyebut Harga tidak berdaftar GST, tiada tambahan nilai kenaan GST akan dimasukkan.~~

2.5 ~~Sekiranya Penyebut Harga berdaftar GST semasa kerja sedang berjalan, Penyebut Harga hendaklah memaklumkan status pendaftaran dan memohon pelarasan bagi tambahan kenaan GST dan menuntut sebarang kenaan GST dengan syarat kerja semasa masih berkuatkuasa bagi baki perolehan yang belum disempurnakan.~~

## 3.0 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

### 3.1 Penyediaan Sebut Harga

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

3.1.1 Harga dan tandatangan Penyebut Harga di Ringkasan Sebut Harga,

3.1.2 Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,

3.1.3 Senarai Kerja Dalam Tangan,

3.1.4 Senarai Pengalaman Kerja,

3.1.5 Jadual Kadar Harga (jika ada),

3.1.6 Butir-butir Spesifikasi (jika ada),

3.1.7 Surat Akuan Pembida,

3.1.8 Maklumat kemampuan kewangan dalam bentuk Penyata Akaun Bank yang disahkan oleh Pengurus Cawangan Bank berkenaan untuk 3 bulan yang terakhir, Deposit Tetap, baki nilai Kemudahan Kredit dan nilai Kemudahan Kredit yang layak/akan diperolehi oleh Penyebut Harga daripada Institusi Kewangan.[1]

3.1.9 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

3.1.10 Kegagalan mengisi/menandatangani serta memulangkan kembali borang-borang dan dokumen wajib/sokongan Sebut Harga akan mengakibatkan Sebut Harga ditolak.

---
[1] Bagi kerja melebihi RM200,000 sahaja.

3.1.11 Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga dan Borang Sebut Harga, maklumat di dalam Borang Sebut Harga diberi keutamaan.

3.1.12 Sekiranya Dokumen Sebut Harga disediakan dalam bentuk *softcopy* (berbentuk CD), Penyebut Harga hendaklah mengemukakan Dokumen Sebut Harga dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy.* Sekiranya terdapat percanggahan maklumat antara *softcopy* dan *hardcopy*, Dokumen dalam *hardcopy* hendaklah digunapakai.

3.1.13 Sekiranya Penyebut Harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, Sebut Harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

3.1.14 Penyebut Harga dikehendaki mengisi, melengkapkan dan mengembalikan perkara-perkara berikut :-

i) Semua Seksyen dalam Dokumen Sebut Harga
ii) Borang-borang maklumat dan dokumen wajib/sokongan.
iii) Seranai semakan dokumen Sebut Harga

3.2 **'Integrity Pact'**

3.2.1 Penyebut Harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di **Lampiran 2** di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.

3.2.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebut Harga.

3.2.3 Penyebut Harga yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya beserta dengan Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

### 3.3 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

3.3.1 Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan bilangan Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga seperti:

**NO. SEBUT HARGA : KPKT/BPJ/UB/SH/ 20 /2025**

**KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA, TAMU SQUARE CULTURAL STREET RANAU, SABAH**

Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

3.3.2 Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut secara pos berdaftar supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan seperti berikut:

**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bahagian Pelaksanaan Dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Pejabat Wilayah 6, Sektor Fasiliti Dan Pelaksanaan Projek, Tingkat 3, Blok C, Bangunan KWSP, Jalan Karamunsing, 88000 Kota Kinabalu, Sabah**
**Tidak Lewat Dari Jam 12.00 Tengahari pada Tarikh: 11/8/2025**

3.3.3 Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, atas sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

### 3.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut Harga boleh menghubungi pejabat yang menjual Dokumen Sebut Harga untuk penjelasan lanjut.

**4.0 TEMPOH SIAP KERJA**

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **Sepuluh (10) minggu**. Mana-mana penyebut harga yang menawarkan tempoh siap kerja melebihi tempoh siap kerja maksimum yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**5.0 PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

**6.0 TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA**

Sebut Harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah laku Sebut Harga. Laporan mengenai penarikan balik Sebut Harga oleh Penyebut Harga akan dikemukakan kepada CIDB/BPKU untuk tindakan.

**7.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para Penyebut Harga diberi peringatan berikut:

7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

7.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

7.4 Mana-mana Kontraktor yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## 8.0 KOD DAN PIAWAIAN

Kerja-kerja Penyiasatan Tanah yang akan dijalankan hendaklah mematuhi kod dan piawaian berikut :-

a. *Malaysian Standard MS 2038:2006: Site Investigation - Code of Practice.*
b. *Malaysia Standard MS 1056: 2005: Soils For Civil Engineering Purposes-Test Method*
c. *JKR Specification for Site Investigation Works.*

## 9.0 HARGA INDIKATIF JABATAN

**9.1 Harga indikatif jabatan bagi Sebut Harga ini adalah Ringgit Malaysia : Seratus Ribu Sahaja (RM 100, 000.00) .**

9.2 Harga indikatif jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

9.3 Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

---

**PENGEMUKAAN PENGISYTIHARAN** PEMUNYA BENEFISIAL DAN SURAT **AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN** ORANG DAN BURUH PAKSA

1. Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan 1.6 telah dikemaskini selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670].

1.1 Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701]

1.1.1 Akta A1701 yang diwartakan pada 2 Februari 2024 telah mewajibkan setiap syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengisytihar Pemunya Benefisial *(Beneficial Owners* — BO) bagi memerangi aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cultai perniagaan di Malaysia.

1.1.2 Tafsiran dan kriteria BO boleh dirujuk kepada *Guideline For The Repoding Framework For Beneficial Ownership Of Legal Persons* yang boleh dimuat turun dari laman sesawang SSM iaitu www.ssm.com.my.

1.1.3 Penyebut Harga hendaklah melaksanakan pengisytiharan BO dengan mengemukakan Borang Pengisytiharan BO seperti di Lampiran A untuk menyertai perolehan Kerajaan yang bernilai melebihi RM50 ribu.

1.1.4 Penyebut Harga hendaklah memastikan BO diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan atau dimuat naik bersama

dokumen tawaran sebut harga secara manual atau secara dalam talian sepertimana yang telah ditetapkan.

1.1.5 Kegagalan penyebut harga untuk mengemukakan BO akan menyebabkan sebut harga yang disertai ditolak.

1.2 **Akta Antipemerdagangan Orang** dan Antipenyeludupan **Migran** 2007 [Akta 870]

1.2.1 Selaras dengan Akta 670 satu akuan atau pengisytiharan oleh Penyebut Harga perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi.

1.2.2 Penyebut Harga yang menyertai perolehan Kerajaan adalah diwajibkan untuk menandatangani Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa (SA) seperti di **Lampiran B.**

1.2.3 Penyebut Harga hendaklah memastikan SA diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan atau dimuat naik bersama dokumen tawaran sebut harga secara manual atau secara dalam talian sepertimana yang telah ditotapkan.

1.2.4 Kegagalan penyebut harga untuk mengemukakan SA akan menyebabkan sebut harga yang disertai ditolak.

2. Bagi sebut harga yang disertai oleh beberapa syarikat yang berdaftar dengan SSM secara usahasama, kesemua syarikat hendaklah mengemukakan BO dan SA semasa mengemukakan tawaran.

## BORANG PEMBERITAHUAN PEMUNYA BENEFISIAL

☐ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah menyerah simpan maklumat pemunyaan benefisial di SSM

☐ Berdaftar dengan SSM dan tidak perlu menyerah simpan maklumat pemunya benefisial di SSM (syarikat enterprise) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)

☐ Tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)

Tandakan ☑

**Nama Syarikat :**
**Butiran Pemunya Benefisial :**

| Nama Individu | No. Kad Pengenalan / No. Pasport | Jawatan dalam syarikat (sekiranya ada) | Kewarganegaraan |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |
| | | | |

Saya...........................(Nama Pemilik/Pengarah Syarikat)......................nombor kad pengenalan / nombor pasport..............................................................................................yang mewakili syarikat/perniagaan.....................................................nombor pendaftaran........................... (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengesahkan bahawa senarai pemunya benefisial syarikat seperti mana pemberitahuan dalam borang ini adalah sama dengan maklumat yang diserah simpan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berdasarkan Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Yang benar,

Tandatangan : ______________________

Nama : ______________________

No.KP : ______________________

